

Headline	Penjual kerepek kini tauke pisang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	785 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,390
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,170

# Penjual kerepek kini tauke pisang

SAIFULLAH AHMAD

Hanya bermodalkan RM50 yang dihabiahkan anak saudara sempena Hari Raya Aidilfitri, ia berjaya mengubah hidup seorang wanita kental dari Kampung Kepayang, Simpang Pulai, Ipoh, Perak.

Rohani Madzlan, 60, pada awalnya memulakan perniagaan dengan duit tersebut dengan menjual kerepek pisang pada tahun 1998 dengan hasrat mahu menambah pendapatan keluarga untuk menyara persekolahan anak-anak, memikirkan gaji suami sebagai pekerja kontrak tidak mencukupi.

Usahanya berbasikal dari rumahnya di Kampung Kepayang ke Gunung Rapat, Ipoh dengan jarak kira-kira 6 kilometer untuk menjual kerepeknya berbaloi apabila ia mendapat permintaan banyak pihak termasuklah beberapa sekolah di sekitarnya.

"Masa itu mana ada kenderaan lain. Hanya basikal saja yang ada dan berkayuhlah saya setiap hari untuk hantar kerepek pisang kepada pelanggan.

"Alhamdulillah, pada masa itu permintaan sangat baik sehinggalah saya tak menang tangan. Tambah susah saya tak ada kenderaan lain dan terpaksa fikirkan cara nak pasarkan ke tempat lain," katanya.

## Pernah ditipu orang tengah

Rohani berkata, melihat kepada peluang yang ada untuk mengembangkan perniagaannya, dia mengambil keputusan untuk memasarkan kerepek pisangnya melalui orang tengah.

Pada awalnya dia gembira apabila kerepek



Rohani kini menyertai program Ladang Kontrak Fama bagi mengukuhkan lagi perniagaannya.



pisangnya mula dijual di gerai kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dari Kuala Bikam, Bidor hinggalah ke Butterworth, Pulau Pinang.

Namun, katanya, masalah mula timbul apabila bayaran diterima dari orang tengah tidak diterima sepenuhnya, malah ada yang tak berbayar.

"Dua kali saya ditipu dan rugi lebih RM10,000. Ketika itu memang sedih bila dia (orang tengah) kata barang tak laku tapi bila pergi tengok ada terjual.

"Mulai dari situ, saya ambil keputusan untuk tidak lagi jual kerepek yang sebelum itu memberi pendapatan RM4,000 sebulan dan cuba bidang baharu," jelasnya.



Rohani sentiasa positif dan berharap usahanya itu akan disambung oleh anak-anaknya.

Selepas kegagalan akibat ditipu, Rohani tidak lagi percayakan orang tengah dan bertekad untuk mencari peluang pendapatan baharu bersama suami, Mat Isa Tasit, 59.

"Saya cabar suami berhenti kerja gaji bulanan RM600 dan sanggup bayar RM1,000 sebulan

dengan syarat tanam pisang.

"Dia sahut cabaran saya dan dalam tempoh setahun tiga bulan, dia berjaya. Pisang-pisang itu kemudiannya saya jualkan sendiri setiap hari sebanyak 200 kilogram untuk pasaran di Perak," katanya.

Sejak dari itu, Rohani tidak menoleh ke belakang lagi dan dengan bantuan beberapa agensi

kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun), Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan sebagainya untuk meluaskan perniagaannya.

Katanya, dia kini memiliki kedai sendiri di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, Gopeng selain ladang seluas empat hektar yang ditanam dengan pelbagai jenis pisang.

Jelas Rohani, pendapatannya kini mencecah RM13,000 sebulan dan melalui hasil jualan itu dia turut membantu menyelesaikan pinjaman RM100,000 untuk memulakan perniagaan dalam tempoh empat tahun.

## Anak bantu perniagaan

Mengakui kejayaan perniagaannya adalah hasil sokongan keluarga, Rohani berkata, anak-anak dan menantunya kini turut berminat menjadi usahawan apabila perusahaan kerepek yang ditinggalkan bertahun dahulu kini disambung semula oleh ahli keluarganya.

Katanya, menjadi seorang usahawan berjaya tidak cukup hanya ada modal kerana antara perkara paling penting ialah mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang yang ingin diceburi.

Tambah Rohani, dia sendiri ikut pelbagai jenis kursus yang disediakan oleh kerajaan sehingga benar-benar faham dan yakin untuk memulakan perniagaan.

"Kita juga kena yakin dengan apa yang dilakukan selain solat lima waktu sebagai tanda kita bersyukur dengan rezeki dan pertolongan dari ALLAH," katanya.

Hasil usaha yang tidak pernah putus asa itu juga turut mendapat perhatian kerajaan apabila Rohani menerima Anugerah Usahawan

Cemerlang Tekun Nasional pada tahun 2013.



Rohani menunjukkan pisang yang dijual dan kerepek pisang dibuat oleh anak dan menantunya.



Rohani bersama suaminya mengusahakan sendiri tanaman pisang untuk dikomersialkan.